

Bernas tidak dibenar naikkan harga beras – Najib

Biar kerajaan tentukan

UM: 9/7/2007

Oleh ROZILAN SALLEH
dan SAHBULAH DARWI

BUKIT MERTAJAM 8 Julai – Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan tidak berhasrat membenarkan Padiberas Nasional Berhad (Bernas) menaikkan harga beras memandangkan rakyat sangat sensitif dengan kenaikan harga bahan makanan itu.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, kadar harga beras akan ditentukan oleh kerajaan berdasarkan fakta dan keadaan semasa supaya ia tidak membebankan rakyat.

“Kita akan tentukan (harga) bila kita dapat fakta-fakta mengenainya sebab tidak ada keinginan bagi kerajaan untuk menaikkan harga beras,” kata Najib.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Batu Kawan di sini hari ini.

Semalam, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kementeriannya akan mengadakan perjumpaan khas dengan Bernas berhubung pengumuman mengejut kenaikan harga beras import oleh syarikat itu.

Muhyiddin mengarahkan Ketua Setiausaha kementeriannya, Datuk Dr. Zulkifli Idris memianggil pihak pengurusan Bernas untuk mendapatkan penjelasan mengenai asas-asas kenaikan harga beras import itu.

Utusan Malaysia difahamkan, pertemuan antara Dr. Zulkifli dengan Bernas akan diadakan di Putrajaya, esok.

Menurut Najib, Bernas tidak dibenarkan menaikkan harga beras tanpa merujuk kepada kerajaan melalui kementerian berkaitan kerana beras merupakan barangan yang sangat sensitif di negara ini.

Beliau memberitahu, sebarang perubahan harga komoditi itu tentu memberi kesan yang meluas kepada pengguna.

“Jadi tentu sekali dalam satu atau dua hari ini kita akan dapat tahu perkembangan selanjutnya dan mungkin Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani akan memberi laporan kepada Kabinet dalam mesyuarat Rabu ini,” jelasnya.

Sambungan dari muka 1

Biar kerajaan tentukan

Ditanya adakah tindakan Bernas menaikkan harga beras itu dianggap satu perbuatan yang membelakangkan kerajaan, Najib berkata: “Kita hendak tahu apa sebabnya dahulu.”

Kelmarin, Bernas mengumumkan kenaikan harga borong beras putih, beras wangi, beras basmathi dan beras pulut atas alasan berlaku kenaikan harga beras di pasaran dunia serta kenaikan kos pengendalian.

Kenaikan harga beras di peringkat pemborong itu berkuat kuasa 1 Julai lepas membabitkan kenaikan lima sen dan 10 sen sekilogram bagi beras putih, beras wangi dan beras basmathi, manakala 20 sen sekilogram bagi beras pulut.

Menurut Bernas, kenaikan harga pelbagai grad beras itu tidak menjejaskan harga beras tempatan yang dikawal kerajaan. Beras dengan kandungan hancur 15 peratus ditetapkan kerajaan pada harga antara RM1.65 dan RM1.80 sekilogram.